

Hubungan saudara Perut Ulu dan Hillir dapat dipulihkan

SEREMBAN, Rabu — Ibu-ibu soko dan anak-anak Waris di Darat daripada Perut Ulu menyifatkan sokongan ibu-ibu soko dan anak-anak Waris Perut Hillir terhadap perlantikan Raja Abdul Rahim Raja Abdul Razak sebagai penyandang pesaka Datuk Kelana (Undang Luak Sungai Ujong) ke-10 sebagai 'satu petanda baik'.

Ini akan dapat memulihkan semula hubungan persaudaraan antara Perut Ulu dengan Hillir, kata mereka.

Mereka berpendapat sokongan itu adalah ikhlas dan jujur dan dengan itu berharap tidak ada pihak menganggapnya sebagai mempunyal unsur-unsur 'udang di sebalik batu'.

Jurucakap mereka berkata, "Kita tidak seharusnya berpecah-belah dan semua pihak hendaklah berani menerima hakikat bahawa kali ini, adalah giliran Perut Ulu untuk menyandang pesaka Datuk Kelana ke-10.

Keputusan Dewan Keadilan dan Undang Negeri Sembilan menggilirkan pesaka Datuk Kelana ke-

10 kepada Perut Ulu adalah selaras dengan aturan adat dan pesaka Luak Sungai Ujong.

Sehubungan ini, bellau menggesa semua ibu soko dan anak Waris daripada kedua-dua Perut supaya 'kembali semula ke pangkal jalan' dan mengenepikan segala salah faham yang mungkin timbul ketika diadakan pemilihan Datuk Kelana ke-10 yang diketuai oleh Datuk Andika Mendelika Fadzil Nordin selaku Tua Lembaga Waris di Darat.

Adat

"Kita hendaklah sentiasa berpegang teguh kepada kata adat 'sayang saudara, saudara diperlakukan, sayang adat, adat dipertahankan dan sayang negeri, negeri dipertahankan,' " katanya.

Jurucakap itu menambah segala kekusutan adat yang timbul di kalangan anak-anak Waris di Darat hendaklah dirujukkan kepada Datuk Fadzil bagi dicari jalan penyelesaian selaras dengan kedudukannya sebagai Tua Lembaga Waris di Darat.